

Pengaruh Golongan Elit Pemerintah Dalam Pemaparan Berita-
Berita Etnik. Analisis Kandungan Terhadap Pelaporan Berita
Akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian Sejurus Sebelum dan
Selepas Pilihanraya Umum Ke-10 Malaysia.

Oleh

Mohd Asri bin Mohamad

Disertasi ini diserahkan sebagai memenuhi sebahagian
daripada keperluan pengijazahan bagi Ijazah Sarjana Sastera
(Komunikasi)

Februari 2002
Universiti Sains Malaysia

Teristimewa Untuk...

*AyahandaKu, Haji Mohamad bin Haji Ibrahim dan Bondaku
Hajah Siah binti Jusoh
Kasih dan Pengorbanan Mu Adalah Azimat Kekuatan Ku*

Dan...

*Arwah Kekanda Ku, Allahyarhamah Zaharah binti Haji
Mohamad
Engkau Pergi Dahulu Mengadap Illahi Sebelum Mampu
Melihat Kejayaan Ku*

Serta...

*Sekalian Adik Beradik Ku
Nasihat dan Cita-Cita Kalian Telah Menggagahkan Aku*

Juga Buat...

*Sekalian Anak-Anak Penakan Ku dan Cucu-Cucu Penakan Ku
Telatah Kalian Mengembirakan Ku di Kala Duka Ku*

Di Teratak Usang

*Kampung Baru Kuala Abang, Dungun
Februari 2002*

Penghargaan

Alhamdulillah, Syukur kepada Allah S.W.T. kerana lengkap juga akhirnya kajian ini biarpun terpaksa disiapkan dalam masa yang begitu singkat dan terbatas.

Sekalung Budi, Sewangi Kasih dan Segunung Penghargaan saya titipkan buat penyelia saya, Dr. Adnan Hussein dan Puan Kamaliah Haji Siarap yang telah banyak mengorbankan waktu, menyumbangkan buah fikiran dan memberikan kata semangat kepada saya sehingga siapnya disertasi ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan khusus kepada Yayasan Terengganu (YT) yang sanggup membiayai pengajian saya sepanjang berada di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang ini. Namun, kita sama-sama susah dan miskin!

Tidak dilupakan sekalung penghargaan kepada Dekan, Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Mohamed Zin Nordin. Para pensyarah yang selama ini tidak pernah lokek untuk memberikan buah fikiran dan ilmu terutamanya En. Zaharom Nain, Dr. Mustafa Kamal Anuar, Dr. Mansor Ahmad Saman, Tuan Haji Haroon Awang dan lainnya.

Terima kasih juga kepada para pustakawan, USM dan Kakitangan Pentadbiran, Pusat Pengajian Komunikasi, USM.

Juga kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya Mohd Khalil, Karamjit, Jessie, Ijazatul Shima, Nik Norma dan Shakiroh yang banyak memberikan semangat dan membantu dalam membuka minda dan ruang lingkup pemikiran saya dalam menyiapkan disertasi ini.

Seuntai Ingatan Yang Berpanjangan kepada arwah sahabatku S. Ahmad Saru yang terlebih dahulu menyahut panggilan Illahi. Al-Fatihah buatmu dan semoga bahagia di samping-Nya.

Tidak ku lupakan kepada Lt.M. Mohd Salleh Abdullah, Lt.M. Hanizan Hasbi Che Hassan, Lt.M. Mohd Illias Ibrahim dan Lt.M. Khairuddin Ahmad yang telah sudi menumpangkan saya sepanjang tempoh pengajian saya di sini.

Akhirnya kepada semua pihak yang tidak tersebut namanya namun budi kalian tetap terpahat kukuh di sanubariku. Terima kasih jua saya ucapkan.

*Penulis
Februari 2002*

Abstrak

Penyelidikan mengenai pelaporan media yang berkaitan isu-isu perkauman bukanlah suatu yang baru. Namun begitu, penyelidikan pelaporan media isu perkauman yang berasaskan perspektif kritikal masih kurang diberikan tumpuan oleh sarjana komunikasi dan pengkaji media di negara ini.

Kajian ini menganalisa kandungan berita-berita dan lidah pengarang yang berkaitan dengan isu-isu perkauman dalam akhbar etnik berbahasa Melayu sejurus sebelum dan selepas Pilihanraya Umum Ke-10 Malaysia yang telah dilangsungkan pada 29 November 1999. Perlu diingatkan bahawa kajian ini bukannya untuk mengkaji tentang pilihanraya tetapi jangkamasa pilihanraya digunakan sebagai jangkamasa kajian sahaja.

Kajian ini bertolak daripada fahaman bahawa setiap berita bukannya lahir dalam kekosongan nilai (*Value-Free*) tetapi ia mempunyai pemikiran dan ideologi kumpulan-kumpulan tertentu dalam masyarakat. Dalam kajian ini, teori hegemoni media digunakan sebagai landasan untuk memandu pengkaji memahami tingkahlaku media melaporkan isu-isu tertentu.

Kajian ini mendapati akhbar *Utusan Malaysia* termasuk akhbar *Mingguan Malaysia* dan akhbar *Berita Harian* termasuk akhbar *Berita Minggu* lebih mengutamakan golongan elit pemerintah khususnya golongan elit Melayu dalam setiap berita bersifat

perkauman yang telah diterbitkan dalam akhbar masing-masing. Sebanyak 99 peratus berita bersifat perkauman dalam akhbar-akhbar berkenaan telahpun menjadikan golongan elit pemerintah sebagai sumber utama berita. Golongan elit pemerintah juga yang telah menjadi penakrif utama (*primary definers*) kepada berita-berita tentang isu perkauman yang terdapat dalam akhbar-akhbar etnik tersebut untuk disalurkan kepada masyarakat atau khalayaknya. Hasil analisis lidah pengarang didapati kedua-dua akhbar yang dikaji lebih menyokong pihak pemerintah dalam tindakan dan pemikiran mereka berkaitan isu-isu perkauman.

Abstract

Research on media reporting about racial issues is not new. However, research on media reporting about racial issues based on critical perspectives were less favoured by the communication and media researchers in this country.

This research analyses the news story and editorials that report on racial issues in two Malay ethnic newspapers, before and after the 10th Malaysian General Election which commence on the 29th November 1999. It should be noted that this study is not about election. The election is used as a time frame for the purpose of choosing a duration for the study.

This research was based on the belief that news report are not value free but shaped and influenced by ideologies of various group in the society. In this research, hegemony theory were used to guide researcher in understanding media behaviour in reporting certain issues.

The study found that both Utusan Malaysia including Mingguan Malaysia, and Berita Harian including Berita Minggu rely on the ruling elites, especially the Malay elite groups in reporting racial issues. About 99 percent of the news were racial structured in those four newspapers and the government was the source of the main news. The ruling elites have been the primary definers of the social and political events, especially on racial issues. The editorials of the two newspapers were bias towards the ruling elites.

Jadual Isi Kandungan

Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	vi
Jadual Isi Kandungan	vii
Senarai Jadual	ix
Senarai Kependekan	xii

Bab Pertama: Pendahuluan

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Tujuan Kajian	14
1.7 Skop Kajian	15

Bab Kedua: Kerangka Teoritikal Kajian

2.1 Ulasan Kajian Lepas	19
2.2 Hipotesis Kajian	22
2.3 Kerangka Teoritikal	24
2.4 Media, Hegemoni dan Ideologi Dominan	26
2.5 Kesimpulan	34

Bab Ketiga: Sejarah Akhbar di Malaysia

3.1 Sistem Akhbar di Malaysia	35
3.2 Pemilikan dan Kawalan Media	42
3.3 Pemilikan Media di Malaysia	47
3.4 Sejarah Akhbar di Malaysia	54
3.5 Sejarah Akhbar Utusan Malaysia	86
3.6 Pemilikan dan Kawalan Akhbar Utusan Malaysia	89
3.7 Sejarah Akhbar Berita Harian	91
3.8 Pemilikan dan Kawalan Akhbar Berita Harian	98

Bab Keempat: Metodologi Kajian	
4.1 Kaedah Pengutipan Data	104
4.2 Analisis Kandungan dan Analisis Tekstual	105
4.3 Analisis Sekunder dan Analisis Kritikal	109
4.4 Pemilihan Akhbar	110
4.5 Pemilihan Media	111
4.6 Unit Analisis	113
4.7 Pembinaan Kategori	114
4.8 Penakrifan Kendalian	124
4.9 Kaedah Analisis Data	128
4.10 Kesahihan Pengkodan	129

Bab Kelima: Analisis Data	
5.1 Pendahuluan	131
5.2 Penganalisaan Data	132
5.3 Perbincangan	157
5.4 Kesimpulan	161

Bab Keenam: Kesimpulan dan Saranan	
6.1 Rumusan	163
6.2 Masalah Yang Dihadapi	177
6.3 Cadangan Kajian Masa Depan	178

Bibliografi	180
--------------------	-----

Lampiran 1, 2, 3, 4, 5 dan 6	
-------------------------------------	--

Senarai Jadual

Jadual 5.2.1.1 Bilangan berita perkauman (berdasarkan isu) dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian.

Jadual 5.2.1.2 Perbandingan berita perkauman (dalam peratus) berdasarkan akhbar.

Jadual 5.2.2.1 Bilangan berita perkauman berdasarkan sumber utama dalam akhbar Utusan Malaysia.

Jadual 5.2.2.2 Bilangan berita perkauman berdasarkan sumber utama dalam akhbar Berita Harian.

Jadual 5.2.3.1 Bilangan berdasarkan ruang yang diberikan kepada golongan Pemerintah Melayu (PM) dan Pemerintah Bukan Melayu (PBM) mengikut isu dalam akhbar Utusan Malaysia.

Jadual 5.2.3.2 Bilangan berdasarkan ruang yang diberikan kepada golongan Pemerintah Melayu (PM) dan Pemerintah Bukan Melayu (PM) mengikut isu dalam akhbar Berita Harian.

Jadual 5.2.3.3 Bilangan berdasarkan ruang yang diberikan kepada golongan Bukan Pemerintah Melayu (BPM) dan Bukan Pemerintah Bukan Melayu (BPBM) mengikut isu dalam akhbar Utusan Malaysia.

Jadual 5.2.3.4 Bilangan berdasarkan ruang yang diberikan kepada golongan Bukan Pemerintah Melayu (BPM) dan Bukan Pemerintah Bukan Melayu (BPBM) mengikut isu dalam akhbar Berita Harian.

Jadual 5.2.3.5 Perbandingan ruang (dalam peratus) yang diberikan kepada golongan Pemerintah (P) dan Bukan Pemerintah (BP) dalam Utusan Malaysia.

Jadual 5.2.3.6 Bilangan mengikut keutamaan mukasurat yang diberikan kepada golongan Pemerintah Melayu (PM) dan Pemerintah Bukan Melayu (PBM) berdasarkan isu perkauman dalam Utusan Malaysia.

Jadual 5.2.3.7 Bilangan mengikut keutamaan mukasurat yang diberikan kepada golongan Pemerintah Melayu (PM) dan Pemerintah Bukan Melayu (PBM) berdasarkan isu perkauman dalam Berita Harian.

Jadual 5.2.3.8 Bilangan mengikut keutamaan mukasurat yang diberikan kepada golongan Bukan Pemerintah Melayu (BPM) dan Bukan Pemerintah Bukan Melayu (BPBM) berdasarkan isu perkauman dalam Utusan Malaysia.

Jadual 5.2.3.9 Bilangan mengikut keutamaan mukasurat yang diberikan kepada golongan Bukan Pemerintah Melayu (BPM) dan Bukan Pemerintah Bukan Melayu (BPBM) berdasarkan isu perkauman dalam Berita Harian.

Jadual 5.2.3.10 Peratusan keutamaan mukasurat yang diperuntukkan kepada golongan Pemerintah (P) dan Bukan Pemerintah (BP) berdasarkan isu perkauman dalam akhbar Utusan Malaysia.

Jadual 5.2.3.11 Peratusan keutamaan mukasurat yang diperuntukkan kepada golongan Pemerintah (P) dan Bukan Pemerintah (BP) berdasarkan isu perkauman dalam akhbar Berita Harian.

Jadual 5.2.4.1 Bilangan isu perkauman (dalam peratus) Sebelum dan Selepas Pilihanraya mengikut akhbar.

Jadual 5.2.4.2 Jumlah lidah pengarang isu perkauman Sebelum dan Selepas Pilihanraya berdasarkan isu dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian.

Jadual 5.2.5.1 Bilangan jenis berita mengikut sumber utama berdasarkan isu perkauman dalam akhbar Utusan Malaysia.

Jadual 5.2.5.2 Bilangan jenis berita mengikut sumber utama berdasarkan isu perkauman dalam akhbar Berita Harian.

Jadual 5.2.5.3 Jenis berita (dalam peratus) mengikut sumber utama berdasarkan isu perkauman dalam akhbar Utusan Malaysia.

Jadual 5.2.5.4 Jenis berita (dalam peratus) mengikut sumber utama berdasarkan isu perkauman dalam akhbar Berita Harian.

Jadual 5.2.6.1 Jumlah lidah lidah pengarang yang membincangkan isu perkauman dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian.

Jadual 5.2.6.2 Jumlah lidah pengarang yang membincangkan isu perkauman berdasarkan isu dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian.

Jadual 5.2.6.3 Kecenderungan lidah pengarang yang berkaitan dengan isu perkauman dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian.

Jadual 5.2.6.4 Arah liputan terhadap golongan elit pemerintah dalam lidah pengarang yang berkaitan dengan isu perkauman dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian.

Senarai Kependekan

1	UM	Utusan Malaysia
2	BH	Berita Harian
3	UMNO	United Malays National Organisation
4	MCA	Malayan Chinese Association
5	MIC	Malayan Indian Congress
6	Suqiu	Isu Tuntutan Suqiu
7	PM	Isu Perpaduan Melayu
8	EM	Isu Ekonomi Melayu
9	KM	Isu Ketuanan Melayu
10	PM	Pemerintah Melayu
11	PBM	Pemerintah Bukan Melayu
12	BPM	Bukan Pemerintah Melayu
13	BPBM	Bukan Pemerintah Bukan Melayu
14	Kump.	Kumpulan

Bab Pertama

1.1 Pengenalan

Sejak sekian lama media telah menyumbang kepada masyarakat dengan menyediakan pelbagai maklumat untuk mereka. Ia mempunyai pengaruh dan peranannya yang tersendiri dalam kalangan masyarakat. Walaupun pada umumnya sarjana komunikasi bersetuju bahawa media mempunyai pengaruh dalam masyarakat, namun perdebatan yang masih hangat berlangsung dalam pengajian komunikasi adalah berkaitan dengan persoalan apakah bentuk pengaruh media terhadap masyarakat atau khalayaknya.

Memandangkan akhbar mempunyai ciri-ciri media massa, maka kajian terhadap media tertua ini menjadi agak popular dalam kalangan pengkaji komunikasi. Antara ciri yang terdapat pada akhbar adalah seperti bersifat sehala, komunikator yang berinstitusi, dapat digandakan iaitu mampu menyebarkan sesuatu maklumat kepada khalayak yang banyak dan mempunyai mesej-mesejnya yang tersendiri. Oleh kerana sifatnya yang dapat mengumpul dan membentuk kecenderungan umum terhadap sesetengah isu, maka pengkaji media mula mengkaji keupayaan akhbar dan media dalam membentuk pendapat umum (Handayani, 1995: 7).

Media juga dikatakan dapat membentuk persepsi mengenai realiti sosial dalam sesebuah masyarakat. Media tidak wujud dalam kekosongan tetapi dalam konteks sosial tertentu. Wujud kecenderungan pihak tertentu untuk memiliki dan menguasai institusi media kerana dengan penguasaan institusi tersebut ia turut bermakna yang mereka

berupaya menyalurkan idea mereka kepada khalayak media itu. Media sememang berinteraksi dengan para khalayaknya. Pengkaji cukup bimbang dengan sudut pandangan dan juga kepentingan golongan tertentu yang akhbar atau media perjuangkan yang akan menghilangkan peranan asal akhbar terhadap sesebuah masyarakat. Besar kemungkinan perjuangan akhbar tersebut telah berubah daripada memperjuangkan kepentingan masyarakat umum kepada pemantapan kedudukan kumpulan para pemilik mereka. Perkara ini telah diakui oleh Warren Breed, yang telah menyatakan bahawa kecenderungan dalam orientasi akhbar tidak semestinya bermakna yang akhbar itu telah berdusta, tetapi ia lebih merupakan penghapusan, pemilihan yang berbeza; yang membenamkan polisi pandangan yang menentang polisi akhbar tersebut. Namun begitu, perlu kita ingat yang pihak penerbit, para pemilik atau wakil pemiliknya sememangnya mempunyai kuasa untuk menentukan polisi tersebut (Severin dan Tankard, 1988: 315).

Media sememangnya telah berperanan dalam mempertahankan *status quo* sesuatu kumpulan dalam masyarakat. Pandangan dan matlamat untuk mengekalkan *status quo* serta penguasaan golongan tertentu dalam masyarakat inilah yang telah banyak membantu dalam penentuan bentuk dan amalan sistem media dalam sesebuah masyarakat. J.C. Merrill (1997) mengakui yang kebanyakan pemimpin dan kerajaan di dunia lebih mementingkan kestabilan dan penguasaan politik mereka, dan menyedari bahawa kebebasan yang luas kepada akhbar boleh membahayakan *status-quo* dan penguasaan golongan elit tertentu dalam sesebuah masyarakat. Lantaran itu, mereka lebih cenderung untuk mengawal pergerakan akhbar tersebut. Dalam konteks negara membangun seperti Malaysia, agenda yang amat penting adalah kestabilan politik, sosial

dan ekonomi. Sekiranya media massa bersifat anti-kerajaan dan anti-kenegaraan dengan tujuan untuk menambahkan bilangan pembaca, maka kerajaan juga memiliki senjata melalui akta dan peraturan untuk menghalang sesuatu penerbitan akhbar (Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid, 1988: 272). Ia telah memperlihatkan betapa pihak pemerintah mampu bertindak apa sahaja sekiranya kepentingan mereka terancam. Persoalannya, siapakah yang berhak menentukan sesuatu justifikasi anti-negara dan anti-kerajaan? Adakah dengan hanya membawa pandangan yang sedikit berbeza sudah cukup untuk membuktikan mereka adalah golongan anti-negara dan penentang kerajaan dan negara? Senario di Malaysia telah menampakkan yang ianya (kuasa penafsiran) telah menjadi hak 'eksklusif' bagi sesuatu golongan elit masyarakat sahaja.

Malahan harus dipersoalkan juga tentang kewajaran serta matlamat sesuatu rancangan televisyen, ruangan atau kolum tertentu dalam akhbar dan program-program radio itu disiarkan. Hal ini kerana hanya bahan-bahan yang 'selamat' sahaja yang sentiasa terhidang dalam media. Soalnya, untuk kepentingan siapakah bahan-bahan yang 'selamat' ini kita perkenalkan dalam masyarakat kita. Bahan-bahan yang tersiar adalah bahan-bahan yang hanya memberikan hiburan semata-mata. Ia tidak langsung mempersoalkan tentang ketidakseimbangan kelas yang berlaku dalam masyarakat tersebut. Sebenarnya, bahan-bahan yang 'selamat' ini akan terus menjamin pengekalan dominasi dan pengaruh golongan minoriti elit dalam masyarakat (Zaharom, 1996).

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat pelbagai etnik, anutan agama dan kepercayaan, bahasa pertuturan serta amalan adat yang berbeza antara mereka serta kumpulan etnik dan lainnya. Penduduknya terdiri daripada tiga kaum yang utama iaitu Melayu, Cina dan India di samping kaum-kaum lain yang tergolong dalam kumpulan etnik minoriti. Dianggarkan terdapat sekitar 80 kaum wujud di Malaysia yang menuturkan sekitar 60 bahasa (J. S. Furnival dalam Muhammad Agus, 1993). Ia sebenarnya bermula setelah penghijrahan orang-orang Cina dan India ke Tanah Melayu sebaik pembukaan lombong bijih timah dan ladang-ladang getah pada awal tahun 1900.

Mengikut J. S. Furnival (dipetik dalam Muhammad Agus, 1993), masyarakat yang berbilang kaum atau majmuk adalah masyarakat yang mana setiap kaumnya berpegang teguh kepada kepercayaan dan agama, bahasa, budaya dan amalan adat masing-masing. Sebagai kumpulan masyarakat mereka hanya bertemu di kedai, semasa berjual beli tetapi apabila mereka pulang ke rumah, mereka akan mengamalkan adat masing-masing. Sesetengah pihak mendakwa rusuhan dan pertelingkahan antara kaum boleh terjadi pada bila-bila masa sahaja akibat daripada perbezaan tersebut. Pandangan ini seolah menandakan yang ikatan serta persefahaman antara kita terlalu rapuh dan begitu mudah sekali untuk kita bertelingkah.

Dalam membincangkan tentang sistem, peranan dan keadaan media di Malaysia, sewajarnya kita membincangkannya dalam konteks struktur masyarakat Malaysia yang pelbagai ini. Ia kerana komposisi masyarakat Malaysia yang pelbagai itu boleh menjadi

kunci kepada kita dalam memahami dan mendapat gambaran yang lebih luas tentang sejarah pelaksanaan sesuatu sistem media. Ianya juga telah mencorakkan aliran ekonomi, perlembagaan, mempengaruhi sistem dan amalan demokrasi, sistem berparti dan juga media di Malaysia (Milne dan Mauzy, 1986: 3). Perlu kita ingat bahawa sistem dan corak akhbar sesebuah negara adalah tidak akan sama dengan negara lain. Hal ini kerana penetapan dan aplikasi sesuatu sistem akhbar dan media di sesebuah negara adalah dipengaruhi oleh faktor sejarah negara, komposisi penduduknya, budaya masyarakatnya, dasar-dasar kerajaan terhadap media dan negara, politik dan juga sistem perundangannya. Oleh yang demikian penelitian terhadap akhbar etnik di Malaysia seharusnya menjurus kepada konteks masyarakat dan negara Malaysia (Syed Arabi, 1989: 11).

Kita juga wajar mengimbau sejarah dan perlembagaan negara yang telah mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan dalam masa yang sama turut memberikan kelonggaran dengan membenarkan penggunaan bahasa-bahasa lain digunakan dalam suasana tidak rasmi. Sebenarnya, keadaan inilah yang menjadi titik tolak kepada pengekalan dan pertambahan bilangan akhbar etnik di Malaysia selepas merdeka. Ia dilihat sebagai tindakan yang menongkah arus serta bertentangan dengan usaha mengangkat bahasa Melayu yang telah dinobatkan sebagai bahasa Kebangsaan menjadi bahasa perpaduan negara (Ahmad Sebi, 1991: 197).

Penelitian terhadap laporan akhbar-akhbar etnik yang telah membincangkan pelbagai isu perkauman telah pun menimbulkan pelbagai persoalan tentang peranan dan

matlamat akhbar etnik ini terhadap khalayaknya (pembaca) dan kepentingan negara. Ia dilihat agak memberat kepada kepentingan kaum mereka sahaja yang mungkin akan menjadi salah satu faktor penghalang penyuburan perpaduan dan integrasi antara kaum di negara ini. Sepertimana pandangan Mohd Noor Azam yang ketiadaan sebuah akhbar nasional yang merentasi sempadan etnik, bahasa, adat dan budaya masyarakat yang berbeza di Malaysia, telahpun menjadi pembatas utama kepada langkah penyuburan perpaduan antara kaum di Malaysia (dipetik dalam Hamzah Hamdani, 1982: 48). Keadaan ini membayangkan yang ketiadaan akhbar nasional tersebut telahpun memberikan ruang yang luas kepada akhbar-akhbar etnik ini untuk menyuntik sentimen perkauman dalam kalangan pembaca mereka.

Sememangnya kemunculan akhbar-akhbar etnik di Malaysia terutamanya pada awal perkembangan akhbar negara adalah untuk kepentingan kaum mereka sahaja. Malahan ianya telah diasuh oleh penjajah British untuk memperjuangkan kepentingan, hak dan memberikan tumpuan kepada masalah kaum mereka sendiri. Mereka agak melupakan kepentingan dan keperluan nasional dalam setiap laporan mereka (Ahmad Sebi, 1991). Pandangan ini agak sama dengan pandangan John A. Lent (1977: 33 dan 40) yang menyatakan bahawa laporan akhbar etnik lebih menjurus kepada pengukuhan hak serta penumpuan kepada masalah kaum mereka sahaja. Beliau memberikan contoh akhbar-akhbar Cina pada waktu itu hanya diwujudkan untuk mempromosikan dan mempertahankan bahasa, adat dan budaya masyarakat Cina dalam lingkungan majoriti masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Begitu juga dengan kemunculan akhbar-akhbar etnik Melayu yang hanya mementingkan sentimen Melayu dalam setiap laporan mereka.

Menurut Ahmad Nazri Abdullah (1988: 147), perkauman yang wujud di negara ini adalah berkait rapat dengan “Dasar Pecah dan Perintah” oleh pihak penjajah British. Mereka memang telah merencanakan pola penempatan dan pekerjaan tertentu untuk setiap kaum agar mereka akan terus berkuasa dalam negara ini. Malahan kemunduran masyarakat Melayu dalam bidang ekonomi dan perniagaan juga telah menyebabkan pihak akhbar untuk terus bersikap anti kaum-kaum pendatang.

Penelitian terhadap akhbar berbahasa Melayu yang terbit sebelum merdeka telah mendedahkan yang akhbar pada masa itu penuh dengan sentimen perkauman dan anti kaum pendatang. Laporan media pada waktu itu lebih banyak mengapi-apikan masyarakat Melayu tentang ancaman yang akan mereka hadapi sekiranya kaum pendatang dibiarkan berkuasa. Pernyataan mereka cukup jelas dan bukannya sekadar berkias-kiasan lagi. Akhbar *Majlis* yang begitu komited terhadap perjuangan memartabatkan umat Melayu jelas menunjukkan kebencian mereka terhadap kaum pendatang ini. Laporan rencana pengarang Ogos 1932 dan rencana keluaran 12 Disember 1932 (dipetik oleh Ahmad Nazri dalam Mohd Sarim Haji Mustajab, 1988: 144) yang mereka siarkan jelas menunjukkan sentimen anti-pendatang yang meruap-ruap. Umpamanya rencana akhbar *Majlis* Ogos 1932:

Kita tidak akan berdosa apabila berkata bahawa orang Melayu itu tidak diharap boleh bergaul dengan bangsa Malayan, tak boleh sekata dan seturut, tak boleh bekerjasama bahkan bukan sekadar demikian sahaja, tetapi barangkali akan tiba masanya orang Melayu itu tak boleh percaya kepada bangsa asing. Bukan sekadar tak boleh percaya

sahaja, akan tetapi ialah juga bahawa bangsa-bangsa asing ini kelak akan menjadi musuh hidup orang Melayu bagi suatu masa yang panjang jika tidak diubati hari ini.

Begitu juga dengan rencana akhbar ini yang bertarikh 12 Disember 1932 bertajuk “Bangsa Asing Tidak Patut Meminta Hak” jelas menggunakan kata-kata yang lebih kesat dan keras dalam ulasannya. Umpamanya:

Rupanya telah lupa entah berapa banyakkah khazanah bumi Melayu yang telah dimuntahdarahkan (dimakan) mereka (Cina) dan berapa ribukah sudah wang Tanah Melayu yang telah dihantar mereka ke negerinya dan berapa banyakkah pula bangsat-bangsat dari Tongsan itu sekarang ini telah menjadi meliana (millionaire) di dalam negeri Melayu.

Akhbar *Warta Malaya* juga tidak kurang menyiarkan artikel dan rencana yang menghentam keras bangsa lain. Mereka bukan lagi berselindung tetapi menggunakan ayat-ayat yang jelas menuduh, menghentam dan mengapi-apikan masyarakat Melayu tentang ancaman daripada kaum pendatang. Umpamanya rencana mereka yang bertarikh 7 Mac 1938 (dipetik oleh Ahmad Nazri dalam Mohd Sarim Haji Mustajab, 1988: 146):

Orang Cina di Malaya bukan makin lama makin beradab sopan, makin lama makin bertambah-tambah cerewet atau biadap pula...sudahlah awak menumpang di tempat orang awak hendak bermaharajalela pula macam tempat awak sendiri...

Berdasarkan petikan-petikan tadi, ia jelas menunjukkan sikap prejudis dan sentimen perkauman yang menebal pada waktu itu. Selepas negara mencapai kemerdekaan, sentimen perkauman dalam akhbar masih lagi berlaku. Akan tetapi akhbar tidak lagi menjadi penyebab kepada isu atau sentimen perkauman tersebut seperti sebelum kemerdekaan negara. Kini, pencetus isu perkauman adalah bertumpu kepada ahli-ahli politik negara. Akhbar hanyalah berperanan sebagai tukang lapor bagi pihak ahli-ahli politik tersebut sahaja (Ahmad Nazri, 1988: 152). Bentuk laporan isu perkauman juga telah berubah. Sekiranya dahulu mereka banyak menyiarkannya melalui ruangan rencana dan rencana pengarang tetapi kini lebih bertumpu kepada laporan berita tentang isu-isu perkauman semasa yang timbul dalam kalangan masyarakat.

Rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 juga telah memperlihatkan betapa peranan akhbar telah menyemarakkan perbalahan antara kaum di negara ini dengan memainkan pelbagai isu perkauman dalam setiap laporan mereka. Malahan terdapat pelbagai laporan lain yang dilihat sebagai mengapi-apikan masyarakat Melayu pada waktu itu. Banyak sarjana yang beranggapan bahawa peranan yang dimainkan oleh akhbar pada waktu itu turut menjadi faktor penyebab berlakunya situasi tegang tersebut. Mereka juga berpendapat yang kebanyakan liputan akhbar etnik pada waktu itu hanya memberikan ruang dan tumpuan kepada masalah kaum mereka sahaja. Keadaan ini memungkinan berlakunya ketidakadilan dalam laporan dan juga penilaian terhadap kaum lain. Hal ini kerana setiap akhbar etnik di Malaysia hanya cenderung untuk melihat permasalahan etnik sebangsa dengan mereka sahaja (Alfitra Salamm, 1998: 46). Keadaan ini telah mendesak pihak pemerintah untuk bertindak menggantung demokrasi dan penerbitan

akhbar pada 14 Mei 1969. Segala penerbitan dan maklumat hanya akan diperolehi melalui Pusat Perkhidmatan Maklumat Kerajaan sahaja (Lent, 1977: 34). Ia amat jauh berbeza dengan keadaan sebelum merdeka. Biarpun akhbar berbahasa Melayu secara terang-terangan telah menghentam kaum Cina dan India, namun ia tidak pernah mencetuskan rusuhan. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh sebaran mesej akhbar tidak begitu meluas memandangkan akhbar sebelum merdeka hanya dibaca oleh golongan Supra-Birokrat dan Aristokrat-Birokrat tertentu sahaja (Ahmad Nazri, 1988: 149).

Persoalannya, adakah isu-isu ini benar-benar ditimbulkan untuk menyedarkan kaum mereka ataupun sekadar untuk mengekalkan dominasi kuasa sesuatu golongan elit terhadap majoriti masyarakat yang tidak berkuasa. Begitu juga dengan persoalan tentang idea siapakah yang dipentingkan dalam setiap laporan akhbar etnik yang membincangkan isu-isu perkauman. Adakah ia mencerminkan pandangan golongan bawahan ataupun ianya hanya menyingkap pandangan dan pemikiran segolongan elit masyarakat sahaja. Sebenarnya, setiap isu perkauman yang ditimbulkan oleh akhbar etnik seringkali bersifat ancaman seperti “Orang Melayu Usah Berasa Terlalu Kuat” (*Utusan Malaysia*, 22 Februari 2000: 2) dan “Nasib Melayu Jika Negara Tergadai” (*Utusan Malaysia*, 3 November 1999: 2). Ia juga seperti berkesinambungan antara satu isu dengan satu isu yang lain. Misalnya Isu Tuntutan Suqiu dan Isu Ketuanan Melayu berkait rapat dengan Isu Perpaduan Melayu kemudiannya isu Ekonomi Orang Melayu. Malahan isu-isu ini senantiasanya diulang-ulang sejak sekian lama dengan menyediakan pelbagai alasan dan bukti yang logik untuk menyokong idea mereka.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini muncul daripada penelitian dan pengamatan yang teliti terhadap isu-isu perkauman yang dilaporkan dalam akhbar, terutamanya akhbar etnik yang berbahasa Melayu. Namun begitu, yang menjadi persoalannya apakah setiap isu yang dipaparkan dalam akhbar itu wujud dalam kekosongan iaitu bebas daripada kepentingan politik dan keperluan penggunaan kuasa golongan tertentu. Ia kerana setiap berita yang diterbitkan oleh akhbar mempunyai nilai dan perhubungan yang rapat dengan institusi politik, ekonomi, sosial dan kuasa golongan tertentu dalam sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, pertimbangan inilah yang sepatutnya akan diberikan perhatian oleh para pemilik akhbar sebelum menerbitkan sesuatu berita. Malahan pertimbangan sebegini akan menentukan corak dan isi kandungan sesuatu media tersebut (Ball-Rokeach dan Cantor, 1986).

Memandangkan kajian ini menuntut pengkaji untuk menganalisa teks ataupun berita, sewajarnya penelitian yang khusus diberikan kepada perkaitan antara akhbar berbahasa Melayu sebagai institusi budaya, institusi masyarakat, institusi politik dan kesannya terhadap bentuk pelaporan akhbar etnik tersebut. Persoalannya, adakah akhbar ini hanya memberikan peluang kepada pemerintah atau golongan elit masyarakat untuk menyatakan pandangan mereka terhadap isu-isu yang ditimbulkan dalam akhbar etnik itu. Dalam erti kata lain pandangan siapakah yang diutamakan oleh akhbar etnik berbahasa Melayu ini utamakan dalam laporan mereka yang berkait dengan isu perkauman. Sejauhmanakah pandangan golongan bukan pemerintah atau masyarakat biasa diambil kira dan menjadi bahan berita dalam akhbar tersebut. Kajian ini juga cuba menganalisa

persoalan bagaimanakah sesuatu berita perkauman yang bersumberkan golongan elit masyarakat lebih ditonjolkan berbanding dengan berita-berita perkauman yang bersumberkan golongan bukan elit masyarakat.

Oleh hal yang demikian, persoalan utama yang ingin dikaji adalah sejauhmanakah laporan akhbar etnik berbahasa Melayu mengenai isu-isu perkauman telah didominasi oleh golongan pemerintah.

Untuk mendekati persoalan kajian yang akan dikaji, maka suatu penakrifan tentang isu-isu perkauman perlu kita buat bagi menentukan kewajaran sesuatu isu tersebut untuk digolongkan sebagai isu perkauman. Terdapat pelbagai penakrifan tentang perkauman dan isu perkauman yang telah dibuat oleh banyak sarjana. Namun begitu, kebanyakan mereka telah memberikan penakrifan atau pengertian yang agak sekata. Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan penakrifan perkauman oleh Stavenhagen (1990). Beliau menjelaskan yang isu perkauman dan etnik adalah isu yang membincangkan tentang perbezaan identiti antara individu dengan individu yang lain atau masyarakatnya dan menekankan kepada perbezaan nilai budaya antara mereka seperti perbezaan bahasa, agama, ras atau keturunan, amalan harian dan kewarganegaraan. Juga berlaku perbezaan dalam aspek biologi antara mereka iaitu penekanan terhadap identiti yang berbeza akibat warisan turun-temurun daripada kaum atau orang sebelumnya. Ianya seperti perbezaan warna kulit, bentuk mata, rambut dan sebagainya (Stavenhagen, 1990: 2). Melalui penakrifan beliau dapat kita disimpulkan bahawa isu perkauman adalah isu-isu yang membicarakan tentang perbezaan dan

kepentingan sesuatu kaum akibat daripada perbezaan budaya antara mereka seperti bahasa pertuturan, cara berpakaian, corak kehidupan seharian, pegangan agama dan kepercayaan; dan juga faktor-faktor biologikal mereka seperti warna kulit, rambut, mata dan seumpamanya. Namun begitu, dalam kajian ini kita hanya akan mengambil kira laporan akhbar etnik berbahasa Melayu sebagai bahan kajian ini.

1.4 Kepentingan Kajian

- i) Memberikan gambaran mengenai pelaporan isu perkauman yang terdapat dalam akhbar-akhbar etnik berbahasa Melayu sejurus sebelum dan selepas Pilihanraya Umum Ke-10 Malaysia.
- ii) Ia diharap akan dapat membantu para penggubal dasar (kerajaan dan pemilik) akhbar untuk menilai semula dasar akhbar terhadap pelaporan isu-isu perkauman supaya lebih telus ataupun sebaliknya.
- iii) Kajian ini, akan dapat memberikan sumbangan ilmiah dari segi hubungan-hubungan kuasa dan amalan kewartawanan di negara ini.

1.5 Tujuan Kajian

- i) Untuk melihat kecenderungan dan dasar-dasar akhbar harian etnik berbahasa Melayu dalam isu-isu perkauman yang telah ditimbulkan dalam masyarakat.
- ii) Bagaimanakah sesuatu berita yang berkaitan dengan isu-isu perkauman itu ditonjolkan oleh akhbar harian etnik tersebut.
- iii) Untuk melihat golongan manakah yang telah menjadi penakrif utama (*primary definers*) atau sumber utama dalam sesuatu berita yang berkaitan dengan isu-isu perkauman.
- iv) Untuk melihat bagaimanakah sesuatu berita yang berkaitan dengan isu perkauman itu telah dibentuk arah menurut kepentingan golongan elit masyarakat.
- v) Untuk melihat perbezaan jumlah laporan berita yang berkaitan dengan isu perkauman yang telah dipilih iaitu sejurus sebelum dan selepas Pilihanraya Umum Ke-10 Malaysia.

1.6 Skop Kajian

Berlandaskan kepada matlamat untuk memantapkan kajian dan mengkhususkan kepada persoalan kajian, maka kajian ini akan membataskan penelitiannya kepada beberapa aspek yang tertentu sahaja. Kajian ini adalah terhad kepada:

i) **Akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* sahaja.**

Akhbar-akhbar harian ini dipilih kerana ia adalah akhbar harian berbahasa Melayu yang mempunyai kadar pembacaan yang paling tinggi dalam kalangan masyarakat. Umpamanya sehingga bulan Jun 2001, akhbar *Berita Harian* telah mencatatkan jumlah edaran sebanyak 800,000 naskhah sehari dengan jumlah pembaca yang dianggarkan mencecah 2.4 juta orang. Sementara itu, *Utusan Malaysia* pula telah mencatatkan jumlah edaran harian sebanyak 700,000 naskhah sehari dengan anggaran seramai 2.1 juta orang pembaca. Malahan, pengkajian terhadap dua akhbar harian ini menjadi lebih bermakna kerana kedua-dua akhbar ini telah dimiliki sepenuhnya oleh UMNO iaitu sebuah parti siasah Melayu ataupun mereka yang telah bersimpati dengan parti tersebut. Oleh itu, ia akan memberikan kelebihan dalam mengkaji, menganalisa dan menilai perkaitan antara pemilikan media, isi kandungan dan juga penyusupan idea golongan dominan masyarakat melalui akhbar etnik tersebut.

ii) Muka surat hadapan dan ruangan Dalam Negeri dalam *Utusan Malaysia* dan muka surat hadapan serta ruangan Nasional dalam akhbar *Berita Harian*.

Hanya berita yang terkandung dalam ruangan ini sahaja yang akan kita analisa. Ruangan ini dipilih kerana pada kebiasaannya berita-berita tentang isu-isu perkauman akan dimuatkan dalam ruangan tersebut. Oleh yang demikian, ruangan-ruangan lain tidak akan dianalisa biarpun berkemungkinan terdapat sebutan atau pernyataan yang secara tidak langsung tentang isu-isu perkauman dalam ruangan tersebut.

iii) Hanya berita sahaja yang dianalisa.

Dalam hal ini, hanya berita-berita yang berkaitan dengan isu-isu perkauman sahaja yang akan dianalisa. Hal ini kerana dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* nukilan yang berbentuk rencana, surat pembaca, pendapat dan kolum penulis tamu telah dimuatkan dalam ruangan yang tertentu. Pandangan mereka ini mungkin bersifat peribadi dan perorangan semata-mata. Begitu juga dengan ilustrasi atau lakaran kurikator, iklan dan pojok pastinya tidak akan dijadikan bahan sebagai analisa untuk kajian ini. Berita-berita yang dipilih adalah berita-berita yang diterbitkan mulai 1 Ogos 1999 hingga 29 Februari 2000. Tarikh ini dipilih kerana ia akan memberikan peluang kepada kita untuk meneliti isu-isu perkauman yang telah muncul sebelum dan

selepas Pilihanraya Umum Ke-10 Malaysia yang telah dilangsungkan pada 29 November 1999. Namun dalam kajian ini isu Rayuan Pilihanraya oleh Jawatankuasa Suqiu (Suqiu) atau turut dikenali sebagai Hua Tuan, isu Perpaduan Melayu (PM), isu Ekonomi Melayu (EM) dan isu Ketuanan Melayu (KM) yang akan kita ambil kira sebagai isu-isu perkauman.

iv) Ruang Lidah Pengarang turut dianalisis.

Bagi memenuhi tujuan untuk melihat kecenderungan dan dasar akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*, ruangan lidah pengarang atau editorial mereka akan dianalisa. Namun begitu hanya lidah pengarang yang membincangkan tentang isu-isu perkauman sahaja yang akan diambil kira. Dalam hal ini, semua lidah pengarang yang bertarikh 1 Ogos 1999 hingga 29 Februari 2000 akan dianalisis. Penganalisan ruangan lidah pengarang ini akan membantu kita menguji hipotesis yang kedua kajian ini.

v) Hanya berita yang berkaitan dengan Rayuan Pilihanraya oleh Jawatankuasa Suqiu, isu Perpaduan Melayu, isu Ekonomi Orang Melayu dan isu Ketuanan Melayu.

Biarpun banyak lagi isu perkauman yang lain yang telah ditimbulkan dalam masyarakat dan dibincangkan dalam akhbar etnik, namun hanya isu ini sahaja yang akan diterima sebagai sampel kajian. Hal ini kerana biarpun telah

ditegaskan sebelum ini yang isu-isu perkauman ini mempunyai kesinambungan dan sentiasa diulang-ulang, namun isu tentang Tuntutan Suqiu jelas telah mendapat bantahan agak keras daripada orang Melayu. Mereka telah menuduh Suqiu telah cuba mencabuli Kontrak Sosial yang telah dipersetujui sebelum ini antara orang Melayu dengan bukan Melayu. Malahan isu Perpaduan Melayu, isu Ekonomi Orang Melayu dan isu Ketuanan Melayu turut dibincangkan dalam kalangan masyarakat. Kebetulan isu-isu ini telah muncul dalam jangkamasa sebelum dan selepas Pilihanraya Umum Ke-10 Malaysia yang telah diadakan pada 29 November 1999. Keadaan ini akan memudahkan pengkaji untuk menetapkan batasan masa atau jangka waktu kajian ini berlangsung. Akhbar yang dianalisa adalah akhbar *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* terbitan Utusan Melayu (M) Berhad dan akhbar *Berita Harian* dan *Berita Minggu* keluaran The New Straits Times Press (M) Berhad. Jangka waktu yang dipilih adalah bermula daripada 1 Ogos 1999 sehingga 29 November 2000. Jangkamasa yang agak panjang ini dipilih bagi membolehkan lebih banyak sampel untuk dikaji dan dianalisis bagi menjamin keboleharapan hasil akhir kajian ini.

Bab Kedua

2.1 Ulasan Kajian Lepas

Kajian tentang keetnikan media bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia, tetapi kebanyakan kajian yang dilakukan adalah untuk melihat kesan media terhadap khalayak. Umpamanya kajian “Keetnikan Media dan Hubungan Etnik di Malaysia” yang telah dilakukan oleh Samsudin A. Rahim pada akhir 1991. Samsudin mengandaikan media mempunyai kuasa dan pengaruh yang kuat terhadap khalayaknya. Malahan media pada anggapan beliau adalah satu instrumen penting dalam masyarakat yang mampu mengubah sikap masyarakat dan khalayaknya. Kajian Samsudin adalah berasaskan pandangan fungsionalis yang beranggapan bahawa media seharusnya berfungsi untuk masyarakat serta menjadi agen penentu tahap perhubungan antara kaum dan perpaduan masyarakat pelbagai etnik seperti di Malaysia.

Kajian tersebut telah melihat persepsi dan tanggapan sesuatu kaum terhadap kaum lain akibat daripada pendedahan media yang mereka gunakan. Kajian tersebut turut disandarkan kepada empat faktor demografi iaitu etnik, tempat tinggal, umur dan tahap pendidikan seseorang responden untuk mengukur tahap-tahap persepsi mereka terhadap kaum lain akibat daripada pendedahan media tersebut.

Kajian Samsudin ini mempunyai beberapa kelemahan. Antaranya ialah tentang peranan yang dimainkan oleh media terhadap khalayaknya yang pada anggapan beliau sebagai penyebab utama ketegangan dalam perhubungan kaum di negara ini. Malah

kajian ini hanya melihat hubungan pembolehubah demografi seperti pendidikan, pendapatan dan faktor umur dengan pendedahan media yang telah mereka gunakan telah menjadi faktor utama dalam perubahan sikap, prasangka dan persepsi etnik. Sedangkan faktor seperti sosialisasi keluarga, sejarah masyarakat, persekitaran kehidupan malah sistem pendidikan yang berasaskan kaum juga telah memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam menyemai sentimen perkauman dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

Kajian tersebut tidak memberi perhatian kepada peranan yang dimainkan oleh faktor hubungan kekeluargaan, agama dan juga faktor-faktor kemasyarakatan yang lain dalam menentukan tahap-tahap perhubungan kaum, prejudis masyarakat, persepsi dan tanggapan terhadap kaum lain.

Humphrey dan Schuma (1984) telah menyatakan yang sikap sesuatu etnik yang jarang berhadapan dan berinteraksi dengan etnik lain akan dipengaruhi oleh imej sesuatu masyarakat itu sepertimana yang digambarkan dalam media. Menurut Gerbner et. al. (1979) media terutamanya televisyen memang berupaya untuk membentuk realiti sosial dalam kalangan khalayaknya. Suzan Shown Harjo (1992) mendakwa yang pemaparan dan isi kandungan media telah memberikan tindak balas yang kuat terhadap kaum peribumi di Amerika Syarikat. Beliau telah memberikan contoh kadar bunuh diri yang tinggi dalam kalangan kaum peribumi Red-Indian berkait rapat dengan imej dan mesej yang dipaparkan dalam media mereka. Kebanyakan kajian ini menganggap media mempunyai kuasa dan pengaruh yang kuat terhadap masyarakat. Namun begitu,

pengaruhnya terhadap masyarakat adalah bergantung kepada keupayaan memproses sesuatu maklumat, kesedaran terhadap mesej, pengaruh struktur sosial dan juga pemilihan sesuatu isi kandungan media. (Hawkins dan Pingree, 1983)

Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Carolyn Martindale (1986 & 1992) berhubung dengan pemaparan akhbar di Amerika Syarikat terhadap kaum Afrika-Amerika yang memberikan pelbagai gambaran buruk terhadap mereka. Kajian ini adalah kajian pertama yang dibuat secara sistematik dan ia adalah kajian sejarah pelaporan berita perkauman dalam akhbar-akhbar utama di Amerika Syarikat. Isi kandungannya juga telah memperakui hasil kajian Suruhanjaya Kerner yang telah mengkaji dan menilai tahap perkauman di Amerika Syarikat terutamanya dalam akhbar-akhbar utama di negara tersebut. Namun begitu, terdapat sedikit perkembangan positif dalam laporan berita sekiranya perbandingan hasil kajian Martindale dengan kajian oleh Suruhanjaya Kerner dibuat. Pun begitu, ia tetap menyelitkan unsur-unsur stereotaip terhadap masyarakat kulit hitam dan kaum pendatang seperti isu jenayah, keganasan dan pergaduhan. Begitu juga dengan bilangan wartawan kulit hitam dalam organisasi akhbar utama negara tersebut masih jauh daripada sasaran yang sepatutnya mereka capai.

Malahan kajian yang hampir sama juga telah dibuat Ramon Chaves terhadap pelaporan akhbar berkaitan dengan kaum Hispanish-Amerika dalam akhbar-akhbar utama di Amerika Syarikat. Kajian Daniel dan Allen (1988) yang menumpukan pendekatan Penentuan Agenda juga menunjukkan sesuatu yang menjadi dasar pegangan dalam penciptaan pendahuluan berita akhbar-akhbar harian akan menjadi ikutan oleh laporan

majalah *Time* dan *Newsweek* yang berkaitan dengan isu-isu perkauman. Kajian terhadap isi kandungan media oleh Felix Gutierrez (1967) yang mendapati laporan akhbar *Atlantic* di Amerika memberikan imej yang buruk terhadap pendatang Negara-Negara Latin. Antaranya ialah menggambarkan mereka sebagai kaki botol, suka menimbulkan kekacauan dan mengganggu penduduk tempatan di Amerika Syarikat.

2.2 Hipotesis Kajian

Terdapat lima hipotesis yang cuba diuji, iaitu:

- i) Laporan daripada elit pemerintah (penakrif utama) sebagai sumber utama lebih banyak jumlahnya berbanding dengan laporan daripada golongan bukan pemerintah (penakrif sekunder) sebagai sumber utama.**

Penakrif utama yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah laporan berita yang bersumberkan golongan pemerintah sebagai sumber utama berita. Misalnya, Presiden UMNO, Perdana Menteri, Menteri-Menteri, para pemimpin parti, tokoh-tokoh korporat dan seumpamanya. Manakala penakrif sekunder pula adalah bermaksud berita-berita yang bersumberkan golongan bukan pemerintah sebagai sumber utama berita tersebut. Golongan yang dimaksudkan sebagai golongan bukan pemerintah adalah seperti orang awam, para pekerja biasa, para pelajar dan sebagainya. Dalam kajian ini juga, kita hanya akan mengasingkan masyarakat mengikut kelas sahaja dan bukannya kepada kaum. Ia adalah kerana kajian ini turut menggunakan teori hegemoni

media yang juga membahagikan masyarakat kepada kelas sahaja dan bukannya berasaskan kaum.

ii) Laporan akhbar lebih banyak menyokong pandangan golongan pemerintah daripada menentang idea mereka.

Berkaitan dengan hal ini, kebanyakan isu yang ditimbulkan oleh Penakrif Utama pasti akan mendapat ulasan positif dan sokongan daripada akhbar etnik tersebut. Dalam mengkaji hipotesis ini, satu penelitian terhadap lidah pengarang (juga disebut rencana pengarang) akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* perlu kita buat untuk melihat pendirian dan arah aliran akhbar-akhbar ini dalam isu-isu perkauman yang ditimbulkan. Hal ini kerana rencana pengarang mampu menjadi cerminan pendirian dan memperlihatkan dasar sesebuah akhbar terhadap sesuatu isu.

iii) Laporan daripada golongan pemerintah lebih ditonjolkan berbanding dengan laporan daripada sumber-sumber lain.

Takrifan 'penonjolan' dalam kajian ini adalah berita ataupun laporan yang memetik golongan elit masyarakat sebagai sumber utama berita akan mendapat ruangan yang lebih besar dan diletakkan pada muka surat hadapan. Sebaliknya berita atau laporan yang bersumberkan golongan bukan pemerintah hanya akan diberikan ruangan yang lebih kecil dan diletakkan

pada muka surat dalaman sesebuah akhbar. Bagi mengukur aspek penonjolan ini, kajian ini akan mengguna pakai kaedah pengukuran Richard Budd (*Attention Score*) yang menyediakan mata yang tertentu kepada setiap berita yang dianalisis.

- iv) **Isu perkauman lebih banyak muncul sebelum pilihanraya berbanding selepas pilihanraya.**
- v) **Kaum Bukan Melayu lebih banyak dipaparkan secara negatif berbanding paparan yang bersifat positif.**

2.3 Kerangka Teori

Teori yang digunakan dalam mendekati persoalan kajian ini adalah teori hegemoni media. Teori Hegemoni telah diperkenalkan oleh Antonio Gramsci (1971), yang merujuk kepada tindakan dan usaha golongan dominan yang bukan sahaja menggunakan paksaan dalam usaha mereka untuk mengekalkan dominasi kuasa mereka terhadap majoriti masyarakat yang tidak berkuasa, tetapi turut menyemai dan memujuknya melalui autoriti sosial dan aktiviti kehidupan seharian mereka. Menurut Gitlin (1980) yang mengatakan bahawa hegemoni adalah tindakan atau usaha pihak dominan (*Ruling Classes*) yang telah mendominasi masyarakat iaitu masyarakat kelas bawahan (*Subordinate Classes*) dan kumpulan mereka melalui aktiviti-aktiviti sosial dan amalan seharian mereka. Hegemoni akhirnya adalah satu proses mendominasi dan

didominasi, dan ianya mungkin akan melibatkan penggunaan elemen psikologi dan imbuhan kebendaan dalam menjamin serta memberi jaminan kepada ketidaksamaan yang telah sedia wujud dalam masyarakat tersebut.